

# Beo4

## Panduan

BANG & OLUFSEN 



## Kandungan

**Menggunakan alat kawalan jauh Beo4 anda, 4**

**Butang Beo4 secara terperinci, 6**

- Kendalian sehari-hari atau lanjutan dengan butang Beo4

**Mensuaikan Beo4, 9**

- Persediaan Beo4
- Tambah ‘butang’ tambahan
- Alihkan ‘butang’ tambahan
- Alih keluar ‘butang’ tambahan
- Mengkonfigurasi Beo4 untuk kegunaan bersama-sama sistem audio atau video lain

**Penyenggaraan, 16**

- Membersihkan Beo4
- Menukar bateri

Spesifikasi teknikal, ciri dan penggunaannya adalah tertakluk pada perubahan tanpa notis.

Produk ini akur dengan peruntukan-peruntukan dalam Arahan 1999/5/EC dan 2006/95/EC.



## Menggunakan alat kawalan jauh Beo4 anda


Paparan Beo4 memaklumi anda tentang sumber yang anda sedang kendalikan. Ia juga digunakan untuk memanggil "butang tambahan untuk fungsi dan sumber yang berlainan.

Butang sumber dan butang untuk rakaman.

Kekunci nombor; dan butang untuk Teleteks dan menu pada skrin.

Butang kawalan di dalam butang berbentuk bintang.

Butang kelantangan, henti, dan keluar; dan butang LIST untuk memanggil "butang tambahan dalam paparan Beo4.



Beo4 ialah alat kawalan jauh pegang tangan yang memberi akses mudah kepada kendalian jauh bagi sistem audio dan/atau video Bang & Olufsen anda.

Kendalian sehari-hari dijalankan dengan menekan butang tunggal pada Beo4, atau dengan menekan beberapa butang dalam turutan yang logik dan jelas serta mudah.

Paparan pada Beo4 memaklumi anda tentang sumber yang anda sedang kendalikan, seperti TV, RADIO, pemain DVD, malah lampu ...

Tetapi alat kawalan jauh Beo4 menggabungkan lebih banyak fungsi daripada butang sebenar: Sumber tambahan boleh dihidupkan, dan fungsi tambahan boleh didapati melalui paparan. "Butang" untuk fungsi-fungsi ini boleh dipanggil pada paparan Beo4 melalui butang LIST.

Sama ada anda menggunakan butang Beo4 untuk kendalian sehari-hari, atau memanggil "butang" tambahan bagi fungsi atau sumber dalam paparan, anda akan mendapati operasi kawalan jauh Beo4 adalah mudah ...

*Di tapak web Bang & Olufsen anda akan menemui leksikon bagi butang Beo4 tambahan.*



Alat kawalan jauh Beo4

– anda akan menemui semua butang untuk kendalian sehari-hari berpusat di dan sekitar butang berbentuk bintang.

## Butang Beo4 secara terperinci ...




### Kendalian sehari-hari atau lanjutan dengan butang Beo4

Butang-butang pada alat kawalan jauh Beo4 dikelompokkan supaya memudahkan kendalian sehari-hari ...

#### *Butang sumber ...* TV, DTV (SAT\*), VMEM

(VTAPE\*), RADIO, DVD, CD, AMEM (A TAPE\*), dan LIGHT digunakan untuk menghidupkan produk audio dan video Bang & Olufsen anda, sistem audio/video bersepada yang lain dan kawalan lampu Bang & Olufsen. Sesetengah produk yang tersambung secara luaran mungkin perlu dihidupkan melalui butang LIST dan "butang" atau kiu berkaitan yang berikutnya yang ditunjukkan dalam paparan Beo4.

**Butang RECORD** ... ditempatkan dekat dengan butang sumber untuk membolehkan perakaman yang mudah pada perakam video atau audio.



**Kekunci nombor ...** 0 sehingga 9 digunakan apabila anda perlu memasukkan nombor, misalnya, untuk memilih nombor rancangan TV atau radio yang tepat, untuk memilih halaman Teleteks, untuk memilih runut yang khusus pada CD atau DVD, dan untuk memilih rakaman audio atau video yang khusus.

**Butang TEXT dan MENU** ... memberi akses kepada Teleteks pada TV Bang & Olufsen anda dan memanggil menu pada skrin untuk produk video Bang & Olufsen anda.

NOTA! Butang yang bertanda \* hanya diterima pakai bagi versi terdahulu alat kawalan jauh Beo4.

*Butang kawalan di dalam butang berbentuk bintang ...*

▲ dan ▼ ... membolehkan anda melangkah nombor program atau runut. Pada sesetengah sistem audio, ia bertindak sebagai butang Hidup atau Mati masing-masing bagi fungsi RANDOM (main balik rawak), REPEAT (main balik berulang) atau EDIT (edit).

◀◀ dan ▶▶ ... membolehkan anda memutar atau menukar antara rakaman atau cakera. Butang-butang ini mempunyai fungsi yang berbeza bergantung pada sistem audio atau video Bang & Olufsen anda. Rujuk Panduan yang sertakan dengan sistem anda untuk maklumat lanjut.




**Butang GO** ... digunakan untuk menerima pelbagai jenis kendalian; dan untuk menyambung semula sumber yang dimainkan dalam paparan Beo4.

**Butang berwarna** ... adalah untuk kendalian khas. Akan diterangkan bila dan bagaimana untuk menggunakan butang ini dalam Panduan untuk produk Bang & Olufsen anda.

*Butang kelantangan, henti, dan keluar; dan butang LIST untuk memanggil "butang tambahan dalam paparan Beo4 ...*

**Butang kelantangan** ... ▲ dan ▼ di bahagian tengah menaikkan atau menurunkan buni dalam pembesar suara. Tekan butang kelantangan tepat di tengah-tengah untuk membisukan pembesar suara sepenuhnya, tekan butang ini sekali lagi untuk mengembalikan suara.



**Butang STOP** ... digunakan untuk pelbagai fungsi henti, misalnya, untuk menghentikan main balik pada sumber.

**Butang EXIT** ... keluar dari kendalian paparan Beo4; dan mengalih keluar menu pada skrin.

**Butang LIST** ... menekannya berulang kali memaparkan "butang" tambahan untuk fungsi dan sumber dalam paparan Beo4.

**Butang tunggu sedia** • ... butang tunggu sedia merah mematikan sistem Bang & Olufsen anda.



## Mensuaikan Beo4 ...

Butang Beo4 memberi kawalan jauh langsung kepada sebilangan besar fungsi, dan paparan Beo4 memberi anda akses kepada lebih banyak fungsi lagi.

*Di tapak web Bang & Olufsen anda akan menemui leksikon bagi butang Beo4 tambahan.*

Apabila sumber dipaparkan pada Beo4 (TV, RADIO, dsb.), anda boleh menekan butang LIST dan mendapatkan fungsi tambahan dalam paparan untuk membantu anda mengendalikan sumber tersebut, sama seperti anda memanggil butang tambahan. Anda juga boleh menghidupkan kelengkapan tambahan yang disambungkan kepada televisyen anda.


Anda boleh mensuaikan Beo4 baru anda untuk memadankannya dengan televisyen anda, dan menukar tertib fungsi tambahan ini dipaparkan apabila anda memanggilnya.

Ambil perhatian bahawa Beo4 mengandungi senarai semua fungsi audio dan video tambahan Bang & Olufsen, tetapi hanya fungsi yang disokong oleh produk Bang & Olufsen diaktifkan apabila anda memanggilnya dalam paparan Beo4.

**Persediaan Beo4**

Jika anda membeli Beo4 baru, anda boleh menyediakannya untuk televisyen anda juga.

- > Tekan dan tahan butang tunggu sedia.
- > Tekan **LIST** untuk mendapat akses kepada fungsi persediaan Beo4.
- > Lepaskan kedua-dua butang. ADD? muncul dalam paparan.
- > Tekan **LIST** berulang kali untuk memaparkan **CONFIG?** pada Beo4.
- > Tekan **GO** supaya anda boleh memilih jenis konfigurasi.
- > Tekan **LIST** berulang kali untuk memaparkan **VIDEO?** pada Beo4.
- > Tekan **GO** untuk mendapat akses kepada konfigurasi video.
- > Tekan **LIST** berulang kali untuk memaparkan **VIDEO4** pada Beo4.
- > Tekan **GO** untuk menyimpan konfigurasi.
- > STORED muncul, menunjukkan bahawa konfigurasi telah disimpan. Anda meninggalkan fungsi persediaan Beo4 secara automatik.




Tambah 'butang' tambahan kepada Beo4, sama ada di bahagian atas senarai atau di kedudukan khusus.

### Tambah 'butang' tambahan

Apabila anda menambah fungsi baru kepada senarai Beo4, anda kemudiannya boleh memaparkan 'butang' baru ini dalam paparan Beo4.

- > Tekan dan tahan butang tunggu sedia.
- > Tekan **LIST** untuk mendapat akses kepada fungsi persediaan Beo4.
- > Lepaskan kedua-dua butang. ADD? muncul dalam paparan.
- > Tekan **GO** untuk memaparkan senarai 'butang' yang tersedia untuk ditambah. 'Butang' pertama muncul dalam paparan, ia berkelip-kelip.
- > Tekan **▲** atau **▼** untuk mara atau undur dalam senarai semua 'butang' tambahan.
- > Tekan **GO** untuk menambah dan menempatkan 'butang' pada kedudukan prasetnya atau sebagai 'butang' pertama dalam senarai, atau ...
- > ... tekan **1 – 9** untuk menyelitkan 'butang' di kedudukan khusus dalam senarai.
- > ADDED muncul, menunjukkan bahawa 'butang' telah disimpan. Anda meninggalkan fungsi persediaan Beo4 secara automatik.

*Alihkan 'butang' tambahan, sama ada di bahagian atas senarai atau di kedudukan khusus.*



#### **Alihkan 'butang' tambahan**

Anda boleh menyusun semula tertib 'butang' tambahan muncul apabila anda menekan LIST.

- > Tekan dan tahan butang tunggu sedia.
- > Tekan **LIST** untuk mendapat akses kepada fungsi persediaan Beo4.
- > Lepaskan kedua-dua butang. ADD? muncul dalam paparan.
- > Tekan **LIST** berulang kali untuk memaparkan MOVE? pada Beo4.
- > Tekan **GO** untuk memaparkan senarai 'butang' tambahan. 'Butang' pertama muncul dalam paparan.
- > Tekan **▲** atau **▼** untuk mara atau undur dalam senarai 'butang' tambahan.
- > Tekan **GO** untuk mengalih dan menempatkan 'butang' sebagai 'butang' pertama dalam senarai, atau ...
- > ... tekan **1 – 9** untuk mengalih 'butang' ke kedudukan khusus dalam senarai.
- > MOVED muncul, menunjukkan bahawa 'butang' telah dialih. Anda meninggalkan fungsi persediaan Beo4 secara automatik.

**Alih keluar 'butang' tambahan**

Anda boleh mengalih keluar mana-mana 'butang' tambahan yang tersedia apabila anda menekan LIST.

- > Tekan dan tahan butang tunggu sedia.
- > Tekan LIST untuk mendapat akses kepada fungsi persediaan Beo4.
- > Lepaskan kedua-dua butang. ADD? muncul dalam paparan.
- > Tekan LIST berulang kali untuk memaparkan REMOVE? pada Beo4.
- > Tekan GO untuk memaparkan senarai 'butang' tambahan. "Butang" pertama muncul dalam paparan.
- > Tekan ▲ atau ▼ untuk mara atau undur dalam senarai 'butang' tambahan.
- > Tekan GO untuk mengalih keluar 'butang' yang ditunjukkan dalam paparan.
- > REMOVED muncul, menunjukkan bahawa 'butang' telah dialih keluar. Anda meninggalkan fungsi persediaan Beo4 secara automatik.

**Mengkonfigurasi Beo4 untuk kegunaan bersama-sama sistem audio atau video lain**  
Beo4 anda telah dikonfigurasi untuk VIDEO4 dari kilang, tetapi anda boleh mengkonfigurasi Beo4 untuk kegunaan bersama-sama apa-apa jenis sistem audio atau video Bang & Olufsen.

*Supaya dapat mengkonfigurasi semula Beo4 ...*

- > Tekan dan tahan butang tunggu sedia.
- > Tekan **LIST** untuk mendapat akses kepada fungsi persediaan Beo4.
- > Lepaskan kedua-dua butang. ADD? muncul dalam paparan.
- > Tekan **LIST** berulang kali untuk memaparkan CONFIG? pada Beo4.
- > Tekan **GO** supaya anda boleh memilih jenis konfigurasi – video atau audio.
- > Tekan **LIST** sehingga VIDEO? atau AUDIO? muncul dalam paparan.
- > Tekan **GO** untuk mendapat akses kepada konfigurasi video atau audio.
- > Tekan **LIST** sehingga konfigurasi yang anda kehendaki muncul dalam paparan.  
Atau, tekan mana-mana butang kawalan, ▲▼  
◀▶ atau ▶▶ untuk mara atau undur dalam senarai konfigurasi yang tersedia.
- > Tekan **GO** untuk menyimpan konfigurasi yang ditunjukkan dalam paparan.

*Apabila STORED muncul dalam paparan, konfigurasi telah ditukar dan anda kemudiannya meninggalkan persediaan Beo4 secara automatik ...*

**VIDEO1:** BeoVision 9, BeoVision 5, BeoVision 4, BeoSystem 1, BeoVision 3 – skrin 32-inci, BeoVision Avant, BeoCenter AV5, BeoCenter AV 9000, Model BeoVision MX lebih awal  
**VIDEO2:** BeoVision 6, BeoVision 3 – skrin 28-inci, BeoVision 1, BeoVision 1 Link, BeoCenter 1, BeoVision MX4200/8000  
**VIDEO3:** Produk video untuk pasaran Amerika dan Taiwan  
**VIDEO4:** BeoVision 8, BeoSystem 3  
**AUDIO1:** Sistem audio selain BeoSound 9000  
**AUDIO2:** BeoSound 9000

Opsyen lain selain yang disenaraikan di sini mungkin muncul dalam paparan apabila anda memilih VIDEO? atau AUDIO?. Opsyen lain ini disenaraikan di bawah. Rujuk leksikon Beo4 di tapak web kami untuk maklumat lanjut.


Untuk menggunakan teleteks pada televisyen yang anda telah setkan kepada Opsyen 4, anda mesti menyediakan Beo4 kepada 'VIDEO3', tetapi ini membataskan fungsi Beo4 yang dapat digunakan bersama-sama televisyen yang disetkan dengan Opsyen lain. Untuk maklumat lanjut, rujuk Panduan untuk televisyen.

#### AUDIO

**BASIC:** semua sistem audio selain BeoSound 9000  
**BS9000:** BeoSound 9000

#### VIDEO

**AVANT:** BeoVision Avant  
**AVANTUS:** BeoVision Avant US  
**AV5:** BeoCenter AV5  
**BC1:** BeoCenter 1  
**BV1:** BeoVision 1  
**MX:** BeoVision MX  
**NONE:** Untuk persediaan audio. Fungsi video tidak dimasukkan



### Membersihkan Beo4 ...

Lap alat kawalan jauh Beo4 dengan kain lembut bukan kasa yang basah yang diperah dengan kuat.

### Menukar bateri

Apabila BATTERY muncul dalam paparan Beo4, tibalah masa untuk menukar bateri dalam alat kawalan jauh.

Beo4 memerlukan tiga bateri (yang ditempatkan di bawah penutup belakang).

Kami menyarankan supaya anda menggunakan bateri Beralkali 1.5 volt (saiz AAA) sahaja.

Ganti bateri seperti yang ditunjukkan pada halaman seterusnya.

**AMARAN!** Jangan dedahkan bateri kepada haba berlebihan seperti cahaya matahari, api atau seumpamanya!

Selepas anda menggantikan bateri, anda perlu menunggu selama lebih kurang 10 saat sehingga paparan membaca TV. Pada waktu itu, alat kawalan jauh Beo4 bersedia untuk dikendalikan semula.

*Nota: Kami menyarankan agar anda menahan jari di atas bateri sehingga penutup ditempatkan semula.*

**Bahasa Melayu (Malaysian)**

**CE** Produk ini akur dengan peruntukan-peruntukan dalam Arahan 2004/108/EC dan 2006/95/EC.





3510216 0912